


HARI : SABTU
TARIKH : 8/6/2019
M/SURAT : 1



PENIPUAN BELI DALAM TALIAN

KPDNHEP kaji wajib peniaga dalam talian berdaftar SSM

→ Langkah atasi kes penipuan perniagaan secara 'online'

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengkaji pelbagai cadangan termasuk mewajibkan peniaga dalam talian mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jen, berkata pihaknya memandang serius kes membabitkan penipuan perniagaan dalam talian yang disifatkannya

semakin menjadi-jadi.

"Buat masa ini, memang tiada undang-undang khusus yang mewajibkan peniaga dalam talian berdaftar dengan SSM tetapi kita sedang mengkaji pelbagai cadangan untuk menanggasi masalah ini termasuk mewajibkan mereka berdaftar dengan SSM.

Kementerian pantau
"Sebenarnya, sukar mengehad-

kan perniagaan dalam talian kerana ia tiada sempadan. Sebab itu, kementerian sedang memantau dan melakukan pelbagai kajian sebelum sesuatu keputusan berhubung perkara ini dapat diambil," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

BH dalam laporan eksklusifnya semalam, melaporkan penipuan pembelian dalam talian semakin meningkat berdasarkan rekod tuntutan pengguna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sejak 2017.

Sehubungan itu, Chieng Jen menasihatkan pengguna supaya sentiasa berwaspadai ketika melakukan transaksi dengan peniaga dalam talian.

Galak daftar BizTrust

"Sejak 2017, SSM memperkenalkan BizTrust, iaitu pensijilan khas untuk peniaga dalam talian. Pengguna diminta memeriksa terlebih dahulu sama ada peniaga itu memiliki Biztrust atas sebaliknya sebelum melakukan transaksi.

"Kita amat mengalu-alukan peniaga dalam talian supaya mendaftarkan perniagaan mereka di bawah BizTrust kerana logo berkenaan akan terpampang dalam laman atau media sosial.

"Pengguna hanya perlu klik di logo itu untuk memastikan perniagaan yang dijalankan tiada unsur penipuan kerana ia akan memaparkan nama dan pendaftaran syarikat terbabit," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.